PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

1 – 15 Julai 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

# Universiti di Kg. Genting projek kerajaan pusat – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Hasrat kerajaan pusat membina AWLU ataupun *Asian Women Leadership University* di Kampung Genting, Balik Pulau mendorong lebih 40 pemilik tanah dari pelbagai bangsa mengadakan pertemuan tertutup dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Rata-rata mereka melahirkan perasaan bimbang sekiranya kepentingan hartanah serta hak penempatan mereka diabaikan kelak di sebalik projek mega kendalian Kementerian Pengajian Tinggi itu.

Guan Eng bagaimanapun berkata, tanah kampung berkenaan dipilih oleh AWLU (projek kerajaan pusat) untuk menubuhkan sebuah universiti wanita yang pertama dan terunggul di benua Asia.

Kerajaan Negeri telah diminta oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk memudah cara penubuhan AWLU dengan mengambil tanah seluas 100 ekar itu berdasarkan Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960. Surat berkenaan diberikan secara hitam putih kepada Ketua Menteri pada tanggal 12 Jun lepas.

Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri sedaya upaya akan memastikan hak serta kepentingan penduduk asal di kampung berkenaan tidak akan diabaikan oleh kerajaan pusat sepanjang proses pengambilalihan itu dilakukan.

Proses pengambilan akan dilakukan mengikut undang-undang dengan bayaran pampasan mengikut harga yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian Harta di bawah Kementerian Kewangan.

"Saya telah meminta DO (Pegawai Daerah) menyelesaikan proses pengambilalihan tanah ini seperti yang diminta oleh kerajaan persekutuan," ujarnya di Komtar di sini baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus dan Datuk Abdul Halim Hussain (Speaker Dewan Undangan Negeri) turut hadir dalam majlis dialog dua hala tersebut.

Pengambilan tanah seluas kira-kira 100 ekar tanah berkenaan melibatkan 10 rumah kampung serta dusun-dusun. Sebanyak 39 ekar tanah dimiliki Melayu dan 59 ekar lain dimiliki orang Cina.

"Jika tidak berpuas hati dengan taksiran nilai tanah yang dikemukakan oleh Jabatan Penilaian Harta (melalui Kementerian Kewangan), proses rayuan boleh dibuat selama 42 hari (hatta) pemilik tanah boleh membuat rayuan kepada mahkamah untuk harga yang lebih tinggi," ujar Ketua Menteri sambil mengesahkan bahawa pihaknya ada menerima surat pernyataan hasrat kerajaan pusat melalui Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Senator Datuk Sri Idris Jala pada 18 Jun lepas.

Difahamkan, cadangan membina universiti yang dikhususkan untuk kaum wanita tersebut dikatakan turut menerima sokongan padu daripada beberapa universiti terkemuka dunia seperti *Smith College* dari Amerika Syarikat.

Disebabkan itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri dilaporkan telahpun meluluskan projek AWLU itu ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai hub pendidikan.

Projek AWLU itu mula diwartakan pada Ogos 2010 dan proses rundingan antara pihak berwajib dari kerajaan pusat

*(Sambung di muka surat 7)*



YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
*(Minister in Prime Minister's Department)*

IMPORTANT

12 June 2012
JPM: PEMANDU/2500-1/1/2012 (35)

YAB Lim Guan Eng
Chief Minister of Penang
Pejabat YAB. Ketua Menteri
Tingkat 28, KOMTAR
10503, Pulau Pinang

TERIMA
18 JUN 2012
Pejabat Ketua Menteri
Pulau Pinang

Dear Y.A.B,

THE AWLU PROJECT AS AN EPP

I am pleased to inform YAB that on February 10, 2012, the Education NKEA Steering Committee, chaired by the Deputy Prime Minister, YAB Tan Sri Mahyuddin, approved the AWLU project as an Entry Point Project ("EPP") under the Education NKEA. Subsequently, the YAB Prime Minister in an ETP Progress Update on May 28, announced the AWLU project as one of 21 new EPPs, to help transform Malaysia to a high income economy.

The AWLU Project Inc. is a corporation established under the Not-for-Profit Corporation Law of New York with tax-exempt status under section 501(c)(3) of the Internal Revenue Code of 1986. This organization aims to establish an international, private higher education institution with a liberal arts and leadership curriculum for women from Asia and the Middle East. Smith College (USA) will serve as the chief academic planning partner. Malaysia has been selected as the preferred host country for this new institution.

The AWLU Project is expected to bring in investments of RM492 million and impact Malaysia's GNI by RM74.42 million in 2020, while creating 190 new high value jobs.

We believe the AWLU project will contribute in a significant way to transforming tertiary education in Malaysia, as well as realise the plans for Malaysia as an education hub offering varied choices to parents and students in the region.

PEMANDU will help facilitate the processes, while licensing will be subject to guidelines by the MOHE.

Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502, PUTRAJAYA
Fax: 603-88887110



The above is for YAB's information and follow-up to enable transfer of 100 acres to the AWLU Malaysian Foundation.

Thank you.

Your sincerely

SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA
Minister in Prime Minister's Department &
Chief Executive Officer of PEMANDU

Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502, PUTRAJAYA
Fax: 603-88887110

**SALINAN surat hitam putih yang diberikan kepada Kerajaan Negeri oleh Idris Jala agar dimudahcarakan penubuhan AWLU.**

# Berita warga emas dijanji RM50 palsu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Isu membabitkan tiga warga emas yang dilaporkan 'kecil hati' gara-gara 'tidak' menerima sumbangan RM50 dijanjikan sempena program ramah mesra bersama Ketua Menteri di Teluk Bahang di sini 30 Jun lalu kini terungkai dengan kebenaran.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, ekoran paparan dakwaan tersebut di suratkhabar-suratkhabar arus perdana bertarikh 3 Julai lalu, beliau bersama beberapa pegawai telah berjumpa sendiri dengan warga-warga emas (Norma Yusof, Zainab Long dan Zainab Boo) berkenaan pada hari yang sama (laporan disiarkan).

"Kami telah merekodkan perbualan tersebut melalui telefon dan terbukti apa yang dilaporkan adalah tidak benar.

*(Sambung di muka surat 7)*

# Urus tadbir 'Bersih' ASEAN jadi impian Guan Eng, Abhisit dan Ambiga

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Persidangan Sulung Gabungan ASEAN Untuk Urus Tadbir Bersih seakan mengambil semangat Gabungan Pilihan Raya Adil dan Bersih (Bersih 3.0) yang dilangsungkan pada 28 April lepas di 70 lokasi di seluruh dunia.

Demikian kata bekas pengerusi Majlis Peguam Malaysia merangkap Pengerusi Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga semasa berucap pada persidangan yang dianjurkan oleh *Penang Institut* (PI) tersebut baru-baru ini.

"(Urus tadbir) bersih adalah mengembalikan kuasa (kerajaan) kepada rakyat dan ia harus dimulakan dengan pilihan raya yang adil dan bersih.

"Jika nak kuatkan kerajaan yang bersih, perlu kuatkan demokrasi. Jika mahu kuatkan demokrasi, perlu kuatkan kerajaan yang bersih.

"Perhimpunan hari ini adalah umpama perhimpunan Bersih 3.0 bab (dalam bentuk) Asean," ujar beliau di Hotel E & O, di sini.

Nada yang sama turut disuarakan oleh tetamu utama persidangan, bekas perdana menteri Thailand, Abhisit Vejjajiva di depan hampir 200 pemimpin pelbagai peringkat dari tanah air dan rantau Asia.

"Kerajaan yang bersih dan demokrasi memang tidak dapat dipisahkan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan keharmonian.

"Di mana-mana negara sekalipun, memerlukan liberalisasi dan perubahan sistem ekonomi, manakala institusi politik perlu diurus dengan tidak mudah berputus asa.

"Disebabkan itu, persidangan ini secara khusus berbincang mengenai keperluan pada demokrasi yang kuat untuk menyokong urus tadbir kerajaan secara bersih," ujar beliau.

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menggariskan lima asas penting yang sewajarnya dikembangkan dalam setiap individu ke arah merealisasikan Pulau Pinang dan ASEAN sebagai gabungan urus tadbir kerajaan baik lagi bersih yang hakiki.



KETUA Menteri bersalaman dengan Abhisit Vejjajiva (dua dari kiri) sambil ditemani Timbalan Menteri I, Datuk Mansor Othman (dua dari kanan), Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang (kanan sekali) dan Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari (kiri sekali) selepas selesai Persidangan Sulung Gabungan ASEAN Untuk Urus Tadbir Bersih di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, lima asas yang dipetik dari tokoh Anugerah Nobel, Amartya Sen tersebut adalah kebebasan berpolitik, kemudahan ekonomi, peluang sosial, jaminan ketelusan dan perlindungan keselamatan.

"Pembangunan yang sebenar bukan material semata-mata, tetapi mesti merujuk pada kebolehcapaian dan kewujudan peluang kepada masyarakat.

"Dengan erti kata lain, masyarakat maju sebenar merupakan salah satu dari pihak yang diberi kuasa kebebasan untuk memenuhi aspirasi dan keupayaan mereka (masing-masing).

"Urus tadbir yang baik dan bersih akan melahirkan pembangunan sosio-ekonomi positif. Institusi awam dan urus tadbir yang lemah akan memudahkan rasuah, penyelewengan sumber (dana rakyat) dan (intitusi) keadilan (mahkamah, polis, Suruhanya Pencegah Rasuah Malaysia, SPRM) sewenang-wenangnya menerima campur tangan berlebihan dari kerajaan.

"Bersama-sama, kita, seluruh pemimpin ASEAN membanteras gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa dengan menganjurkan, menggalakkan dan melaksanakan tadbir urus yang bersih," ujarnya.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **SAM**



# Semangat berpasukan hasil penyampaian lebih berkesan – KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** "Semangat berpasukan itu penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam menjadi lebih berkesan dan telus," ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sempena Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Y.A.B. Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, untuk berjaya, penjawat awam perlu berkerja dalam satu pasukan agar penyampaian lebih berkesan dan baik.

"Keyakinan, amanah, pengurusan konflik, komited dan bertanggungjawab adalah konsep kerja berpasukan dalam sektor korporat.

"Dalam pada itu, konsep sama juga boleh diadaptasikan dalam perkhidmatan awam negeri termasuk menerapkan konsep Kerajaan Berjiwa Rakyat, dasar ekonomi negeri dan cabaran-cabaran yang dihadapi Kerajaan Negeri terutama dalam kalangan penjawat awam bagi mengikis mentaliti silo," katanya.



**YANG diPertua Majlis, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri berdiri tegap bagi menyanyikan lagu Negaraku pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Y.A.B Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

Tambah beliau, dalam dasar ekonomi, Kerajaan Negeri berhasrat menjadi negeri berkebajikan dengan lima teras utama pembangunan negeri.

"Merancakkan pertumbuhan ekonomi *(pro-growth)*, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan *(pro-jobs)*, menjamin keadilan sosio-ekonomi *(pro-poor)*, memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda *(pro-talent)* dan penjagaan alam sekitar *(pro-green)*," ujar Guan Eng.

Beliau pada masa sama turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri kini dalam usaha menangani masalah 3C1A iaitu kebersihan *(cleanliness)*, jenayah *(crime)* dan kesesakan *(congestion)* serta membekalkan perumahan mampu milik *(affordable housing)* bagi mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar.



**ANTARA anggota perkhidmatan awam yang hadir.**

"Suatu pencapaian yang membanggakan apabila *ECA International* mengumumkan Pulau Pinang buat pertama kalinya tahun 2011 mencapai status '*most liveable city*' berbanding Kuala Lumpur.

"Kejayaan ini diulang semula pada tahun 2012 menjadikan Pulau Pinang sesuai didiami di Malaysia dengan rumah mampu milik yang paling bermutu," ucap Guan Eng lagi.

# Karnival erat silaturahim masyarakat SPS

**SUNGAI BAKAP –** "Karnival Mesra Rakyat ini ternyata mampu mengeratkan silaturahim sesama tetangga dan juga wakil-wakil rakyat bersama masyarakat setempat," ucap Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman ketika Perasmian Acara Penutup Bagi Siri Jelajah Mesra Rakyat 2012 di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, trend karnival kini menjadi platform unggul untuk mendekati masyarakat setempat terutama masyarakat desa kerana keutuhan semangat gotong-royong dan tetangga jelas terpelihara.

"Alhamdulillah, karnival bagi 2012 ini memang mendapat sambutan dengan pelbagai acara telah diatur.

"Terima kasih dan tahniah kepada penganjur iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) kerana mengadakan karnival yang sangat signifikan dan bermanfaat," ucap Mansor di hadapan kira-kira 200 penduduk di Padang Awam Permatang Ara di sini.



**MANSOR Othman (tengah, atas tangga) turut membantu membaiki bumbung usang di sini.**

Selain gotong-royong yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Ara, Jalan Sentosa dan Flat Taman Seruling Mas, perlawanan futsal antara belia turut diadakan.

"Menariknya kali ini, kita turut mengadakan konvoi bermotor bagi menyerahkan bantuan kepada masyarakat setempat.



**MANSOR Othman (dua dari kanan) tidak keberatan membantu bentara menyediakan makanan untuk Kenduri Rakyat yang diadakan sempena Karnival Mesra Rakyat di sini baru-baru ini.**

"Antaranya, kita menyerahkan bangku batu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kepada penduduk di Flat Taman Seruling Mas, melawat penduduk yang uzur dan daif serta membaiki bumbung rumah yang usang di sini," kata beliau yang melawat hampir 30 rumah pada hari tersebut.

Acara kemuncak bagi Karnival Mesra Rakyat ialah jamuan Kenduri Rakyat yang diadakan secara gotong-royong oleh penduduk kampung.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee dan Pengerusi Solidariti Anak Muda Malaysia, Badrul Hisham Shaharin (Chegu Bard).

# RM3 juta untuk PTSR




USAHAWAN dan peniaga-peniaga kecil tekun mendengar ucapan bersempena Program Ke Arah Memartabatkan Usahawan Mikro di bawah PTSR baru-baru ini di sini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU –** Kerajaan Negeri menaruh harapan tinggi terhadap kira-kira 709 peminjam Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang merupakan peniaga-peniaga kecil dari golongan orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal dalam memanfaatkan pinjaman diberikan demi meningkatkan perniagaan masing-masing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sejak PTSR dilancarkan pada Oktober 2009, golongan berkenaan (penjaja dan peniaga kecil) telah menikmati manfaat kos pinjaman tanpa faedah dengan jumlah maksima RM5,000 (pertama kali) yang diuruskan sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Bagi pinjaman kali kedua, sebanyak 8 peratus caj perkhidmatan dikenakan dengan nilai maksima ditingkatkan kepada RM8,000,'' katanya pada Program Ke Arah Memartabatkan Usahawan Mikro di bawah projek PTSR di PDC baru-baru ini.

Turut hadir Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak, Ketua Pegawai Eksekutif PTSR, Iskandar Basha Abdul Kadir dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.

Guan Eng memberitahu, dana RM3 juta telah dperuntukan dalam menjayakan PTSR sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Pulau Pinang.

"Objektif Kerajaan Negeri mewujudkan PTSR adalah sebagai satu sistem penyaluran modal yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil.

"Malah, falsafah PTSR merupakan Pinjaman Asas Simpanan yang bermatlamat untuk mewujudkan modal tambahan, menggalakkan budaya menabung dan mewujudkan rangkaian

# JATI hargai keprihatinan KN

**GEORGE TOWN -** Pengarah Akademi Penyelidikan dan Analisis Sosio-ekonomi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Warisan Tanjong Tokong (JATI), Datuk Dr. Wazir Jahan Karim sangat menghargai keprihatinan Kerajaan Negeri dan berterima kasih kepada Ketua Menteri kerana telah melaksanakan langkah-langkah wajar bagi mewujudkan Zon Warisan Tanjong Tokong di sini.

Ini adalah ekoran inisiatif dan desakan Kerajaan Negeri berhubung pemeliharaan Kampung Tanjong Tokong sebagai Zon Warisan Tanjong Tokong dan turut menyokong cadangan untuk memelihara sebahagian kampung yang telah wujud sejak 1785 itu.

Dr. Wazir berkata, dalam usaha merealisasikan inisiatif tersebut, suatu dosir Tanjong Tokong telah mencadangkan bahawa pentadbiran zon warisan dibuat melalui sebuah perbadanan yang dikenali sebagai Yayasan Melayu Pulau Pinang (YMPP).

"YMPP akan membantu kelestarian warisan dan budaya Melayu Pulau Pinang.

"Selain membaiki dan memulihara kampung, tapak dan rumah Melayu tradisional agar sejarah serta identiti Melayu dapat dikekalkan di Pulau Pinang, YMPP juga akan membangunkan keupayaan pencapaian ekonomi Melayu di negeri ini," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Tambah beliau, rata-rata penduduk di kampung tersebut setuju untuk dikonservasikan dan digazetkan sebagai zon warisan.

"Malah, mereka juga tertarik dengan konsep zon warisan dicadangkan memandangkan ia membolehkan penduduk kampung mengusahakan industri kecil dan sederhana di samping melibatkan diri dalam




**DATUK Dr. Wazir Jahan Karim menunjukkan proposal Zon Warisan Tanjong Tokong pada sidang media di sini baru-baru ini.**

mewujudkan industri inap desa," ujar beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri sedaya upaya membantu mana-mana pihak yang tampil dan mempunyai isu berkaitan rakyat termasuk soal zon warisan.

"Dalam isu zon warisan ini, Kerajaan Negeri telah menghantar dua pucuk surat bertarikh 9 Mac 2010 dan 16 Mac 2012 kepada Menteri di Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah meminta supaya kerajaan persekutuan mengarahkan *UDA Holdings* untuk memelihara sebahagian tanah di Kampung Tanjong Tokong sebagai Kampung Warisan Melayu dan mengkaji semula draf agar kampung warisan Melayu untuk kampung Melayu tertua dan bersejarah ini dapat dikekalkan," ujarnya.

Tambah Guan Eng, sungguhpun surat Kerajaan Negeri hanya dibalas pada 16 April 2012 lalu, ia merupakan langkah positif apabila kementerian akan memanjangkan syor berkenaan kepada Jabatan Warisan Negara untuk penelitian awal terhadap isu-isu yang telah ditimbulkan.

# 2.8 hektar ganti tanah kecil Jln. Zainal Abidin

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian menafikan dakwaan Pemuda Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang berhubung kenyataannya yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menjual sebidang tanah berkeluasan 0.45 hektar di Lorong Selamat, Jalan Zainal Abidin dan sekaligus 'mengorbankan' Projek Perumahan Rakyat (PPR) dirancang sebelum ini di sini.

Exco terbabit, Wong Hon Wai menjelaskan, tanah yang dikatakan telah diluluskan untuk PPR sebenarnya tidak ada dalam pelan asal dikemukakan Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

"Semakan telah dibuat dengan pihak MPPP berkaitan tanah di lot 305, lot 306, lot 313 dan lot 314, Lorong Selamat, Jalan Zainal Abidin dan mendapati tidak ada pelan baru yang dikemukakan setelah pelan tersebut diluluskan pada 10 Mei 2001 untuk PPR.

"Ekoran kelulusan tersebut, hakikatnya, tidak banyak dapat dilakukan di tapak tersebut kerana saiz tanah yang kecil dan untuk membangunkan perumahan, tanah lebih besar adalah diperlukan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Lantaran itu, bagi membolehkan projek tersebut dibangunkan, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebidang tanah berkeluasan 2.8 hektar di Jalan S.P. Chelliah di sini untuk dua projek perumahan mampu milik.

"Dari segi teknikal dan penelitian yang dijalankan, tanah di Lorong Selamat



**WONG Hon Wai menunjukkan beberapa dokumen bagi menjelaaskan isu tanah Lorong Selamat, Jalan Zainal Abidin pada sidang media di sini baru-baru ini.**

adalah terlalu kecil dan tidak sesuai dibangunkan sebagai penempatan.

"Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah menerima pelbagai cadangan bagi membangunkan kawasan (tanah di Lorong Selamat) tersebut termasuk sebagai asrama bagi penjawat awam dan pusat perubatan. Melalui penelitian Kerajaan Negeri, pusat perubatan adalah lebih sesuai dibangunkan berbanding rumah pangsa," jelas beliau.

Jelas Hon Wai, tanah tersebut (Lorong Selamat) telahpun dijual secara tender terbuka pada 2010.

"Kerajaan Negeri telah kemukakan pengumuman tender terbuka pada Julai 2009, justeru, tidak timbul isu yang menyatakan tanah tersebut dijual pada kadar potongan harga," tegasnya lagi.

Dalam pada itu, Hon Wai turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah mengenalpasti beberapa kawasan untuk dibangunkan sebagai projek perumahan mampu milik antaranya di Teluk Kumbar dengan keluasan tanah 2.4 hektar, Bukit Mertajam (4.8 hektar), Kampung Jawa, Butterworth (4.0 hektar), Ampang Jajar (7.6 hektar) dan Juru (8.0 hektar).

PUCUK PIMPINAN DI PARLIMEN JELUTONG.

# Lif rosak 2 tahun beroperasi semula

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI PINANG –** Bagi penghuni rumah pangsa di Taman Jelutong Jaya, kini mereka mampu menarik nafas lega apabila dua unit lif di dua blok di sini kini beroperasi semula.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Koid Teng Guan, pembaikan lif di dua blok rumah pangsa di Taman Jelutong Jaya adalah hasil kerjasama antara persatuan penduduk dan Kerajaan Negeri.

"Atas keprihatinan kepada golongan yang berpendapatan rendah, kita (Kerajaan Negeri) telah bersetuju untuk membiayai 80 peratus kos pembaikan lif di sini.

"Baki 20 peratus adalah hasil inisiatif penghuni di sini," ujar beliau yang turut menggesa penghuni di sini supaya menjaga sebaiknya lif tersebut demi kemudahan semua.

Penghuni rumah pangsa Taman Jelutong Jaya sebelum ini membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk membaiki lif memandangkan ia sering rosak dan salah satu daripadanya tidak beroperasi lebih dari dua tahun.

Lantaran itu, dengan mengambil kira kemampuan kewangan negeri, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memanjangkan pembiayaan atas dasar 80:20 hanya kepada kerja-kerja melibatkan pembaikan lif di flat berkenaan.



SALAH seorang penerima sumbangan berkongsi pengalaman dengan Ketua Menteri sambil diperhatikan Jagdeep Singh Deo (belakang kiri, berbaju kuning) dan Koid Teng Guan (hadapan, dua dari kanan) pada majlis penyampaian sumbangan di Kampung Kebun Lama di sini baru-baru ini.

# KN PR sentiasa pegang janji

**DATOK KERAMAT -** "Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat (PR) sentiasa berpegang pada janji," tegas Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika berucap di perkarangan Masjid Kampung Kebun Lama, Jalan Terengganu di sini baru-baru ini.

Katanya, tidak seperti kerajaan sebelum ini yang menabur 1,000 janji, kini tinggal 1,000 dalih.

"Misalnya pembinaan rumah mampu milik yang tidak terlaksana sungguhpun terdapat desas-desus yang menyatakan Barisan Nasional (BN) memang nak bina.

"Semuanya tidak benar," ujarnya bersempena Program Mesra Rakyat Parlimen Jelutong di sini.

Lawatan Ketua Menteri ke Kampung Kebun Lama adalah sebahagian daripada rangka lawatan beliau ke Parlimen Jelutong. Dalam lawatan tersebut, beliau telah menyampaikan sumbangan 20 buah kerusi roda dan meninjau projek pelebaran Sungai Pinang di sini.

Turut serta Ahli Parlimen Jelutong, Ooi Chuan Aun; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo; ADUN Sungai Pinang, Koid Teng Guan dan ADUN Komtar, Ng Wei Aik.

Tambah beliau, perhatian Kerajaan Negeri terhadap kebajikan rakyat diteruskan dengan kesinambungan program-program seperti Program Penghargaan Warga Emas, Program Anak Emas, program bantuan kepada ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) serta program-program pembasmian kemiskinan.

"Pelbagai program kebajikan adalah hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2015.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga ada menubuhkan Pusat Dialisis CAT yang memberi rawatan kepada pesakit dengan harga subsidi RM30 bagi setiap dialisis. Pada tahun ini (2012), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1 juta bagi menanggung kos operasi dan subsidi rawatan tersebut," nyata Guan Eng.



ANTARA penduduk yang hadir bersempena Program Mesra Rakyat Pucuk Pimpinan Kerajaan Negeri Parlimen Jelutong.

# Pusat Aktiviti Sungai Pinang dirasmi




PASUKAN Peronda Sukarela (PPS) Sungai Pinang bergambar kenang-kenangan dengan Ketua Menteri dan pucuk pimpinan selepas selesainya Majlis Perasmian Pusat Aktiviti Sungai Pinang.

**BINA SEMULA...** Bagi membolehkan penduduk setempat menjalankan aktiviti riadah dalam keadaan selesa dan selamat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Koid Teng Guan mengambil inisiatif khas membina semula Pusat Aktiviti Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, pusat tersebut telah beroperasi sebagai lokasi riadah dan aktiviti setempat. Walau bagaimanapun, ekoran keadaannya yang usang dan tidak terurus, menyebabkan ia 'terbiar' begitu sahaja.

Menerusi inisiatif khas tersebut, Pusat Aktiviti Sungai Pinang yang terletak berhampiran Tokong Tian Ling Gong kini menyediakan ruangan untuk aktiviti dan kelas nyanyian, tarian, komputer dan pusat tuisyen setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah menyempurnakan majlis perasmiannya bersempena Program Mesra Rakyat Parlimen Jelutong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang; Exco Perancang Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai dan ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo.

PUCUK PIMPINAN DI PARLIMEN JELUTONG.

# Mangsa kebakaran 3 lokasi dapat bantuan

**SUNGAI PINANG –** Atas prinsip kerajaan berjiwa rakyat, kira-kira 20 mangsa kebakaran dalam tiga kejadian yang berasingan telah memperoleh bantuan sumbangan daripada Kerajaan Negeri di sini.

Penyampaian sumbangan tersebut telah disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang; Exco Perancang Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai; Ahli Parlimen Jelutong, Ooi Chuan Aun dan ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo.

"Diharap sumbangan ini dapat meringankan beban mereka dan minta mereka tabah.

"Sekiranya mereka memerlukan apa-apa bantuan, kita (Kerajaan Negeri) akan usahakan bagi mengurangkan bebanan mereka," ujar Guan Eng yang turut meninjau kawasan sekitar tempat kejadian di sini baru-baru ini.

Antara lokasi kejadian adalah di Kampung Md. Taib, Jalan Jelutong pada 12 Jun lalu membabitkan dua buah rumah, Jalan Tokong Batu, Sungai Pinang (4 keluarga), Kampung Dhoby Ghaut, Solok York (20 penghuni).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Koid Teng Guan menyatakan bahawa, mereka (mangsa) yang terlibat dalam kebakaran telah menerima sumbangan bantuan bencana Kerajaan Negeri.

"Seperti kita (Kerajaan Negeri) janji, kita akan tunaikan,'' ujarnya.




**KEADAAN kediaman yang hangus dalam kebakaran di Kampung Dhoby Ghaut, Solok York di sini.**

# Lif rosak 6 tahun siap dibaiki

**BATU LANCHANG –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah memperuntukkan RM10 juta setahun sebagai komitmen untuk membaiki dan menaiktaraf kemudahan-kemudahan rumah pangsa yang dibina Perbadanan Pembangunan Pulau Pinnag (PDC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, peruntukan tersebut disediakan Kerajaan Negeri untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur asas di semua rumah-rumah pangsa kos rendah serta kos sederhana rendah di sini.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menggunakan formula 80:20 bagi membaikpulih kemudahan-kemudahan asas di premis-premis berkenaan termasuk kerja-kerja mengecat semula dan membaiki lif rumah pangsa kos rendah," katanya ketika merasmikan lif di blok 25, rumah pangsa kos rendah, Taman Seri Damai sempena penganjuran Program Mesra Rakyat Parlimen Jelutong di sini baru-baru ini.

Dalam rangka lawatan tersebut, Guan Eng menyatakan beliau amat berterima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Koid Teng Guan; ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo dan ADUN Batu Lancang, Law Heng Kiang kerana berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat.

"Reaksi rakyat amat ketara apabila mereka hadir dan menyokong program dan majlis anjuran Kerajaan Negeri.

"Tahniah kepada semua pihak yang berusaha melancarkan perjalanan lawatan kerja ini," ujar Guan Eng yang turut serta dalam Program Kenduri Rakyat yang turut diadakan di sini.

Sementara itu, menurut Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Taman Seri Damai, Shukor Ali, lif di blok berkenaan tidak berfungsi sejak tahun 2006 lagi.

"Bukan sahaja menyusahkan mereka (penghuni) yang tinggal di tingkat atas, tapi juga pergerakan sekiranya terdapat kecemasan.

"Dengan berfungsinya lif ini, penghuni di blok 25 dapatlah memanfaatkan dan menjaganya supaya tidak wujud unsur-unsur vandalisme," ujar Shukor ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, setiap penghuni di blok berkenaan telah menyumbang sejumlah RM150 manakala RM10,000 disumbangkan ADUN Batu Lancang, Law Heng Kiang bagi tujuan terbabit.

Dalam pada itu, beliau yang juga mewakili penduduk blok 25 turut menzahirkan ucapan terima kasih dan meminta supaya para penduduk dapat melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dengan membayar yuran penyelenggaraan berjumlah RM35 sebulan.

Heng Kiang dalam ucapannya menggesa penduduk di blok berkenaan supaya menjaga sebaik mungkin kemudahan lif yang telah dibaikpulih.

Rumah pangsa Taman Seri Damai mempunyai enam blok dengan 192 unit setiap blok. Pemasangan semula lif di blok 25 yang menelan belanja RM150,666 merupakan langkah pertama Kerajaan Negeri dalam usaha menaiktaraf dan membaikpulih semula lif di semua blok di sini.

"Selepas ini, kita (Kerajaan Negeri) akan membaiki lif di blok 21 dan blok 23 bagi membolehkan semua lif di sini berfungsi semula.

"Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan kediaman yang selesa bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan meneruskan kerja-kerja menaiktaraf sistem elektrik, sistem peparitan dan tangki, lif dan longkang terutama di rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah di Pulau Pinang," ujar Heng Kiang.




**KETUA Menteri menyampaikan replika kunci lif baru kepada wakil penduduk di Blok 25, Taman Seri Damai di sini sambil ditemani oleh Ahli Parlimen Jelutong, Ooi Chuan Aun (dua dari kanan), Law Heng Kiang (tengah) dan Koid Teng Guan (kiri sekali) baru-baru ini.**



**ANTARA penduduk yang hadir pada majlis perasmian papan kenyataan di Blok M, rumah pangsa Taman Free School di sini baru-baru ini.**

# Dapat papan kenyataan selepas 30 tahun

**SETELAH 30 TAHUN...** Ternyata sumbangan papan kenyataan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo dapat dimanfaatkan oleh penghuni rumah pangsa Taman Free School di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, rumah pangsa di Taman Free School tersebut tidak pernah mempunyai papan kenyataan sehingga menyukarkan mereka untuk menghebahkan sebarang aktiviti kemasyarakatan yang diadakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di situ.

"Akhirnya setelah lebih 30 tahun, mereka kini dibekalkan sebuah papan kenyataan.

"Saya berharap penghuni rumah pangsa Taman Free School dapat memanfaatkan papan kenyataan ini dan menjaga ia dengan sebaiknya," ujar Jagdeep yang turut serta merasmikan papan kenyataan tersebut bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sempena lawatan Ketua Menteri ke Parlimen Jelutong di sini.

*Dari muka surat 1.*

# KM diminta Idris Jala mudah carakan penubuhan universiti




KETUA Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kanan sekali) menunjukkan salinan surat Idris Jala sambil diperhatikan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abd. Halim Hussain pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.



LEBIH 40 anak jati Kampung Genting, Balik Pulau daripada pelbagai bangsa berdialog dengan Ketua Menteri.

dengan pendu duk kampung berkenaan dijadualkan bermula pada hujung Julai ini.

"Sungguhpun projek AWLU adalah daripada kerajaan pusat, saya menyokong penuh apa jua hasrat untuk pendidikan kerana itu bermakna dan penting untuk generasi hadapan dan saya harap tuan punya tanah dapat menerimanya (hasrat pusat) sungguhpun mereka rasa kurang senang hati.

"Oleh kerana masa depan anak-anak kita hanya terjamin dengan pendidikan cemerlang, maka, Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) rela ketepikan perbezaan politik dan bekerjasama dengan kerajaan pusat demi kepentingan rakyat.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) tidak mahu perkara ini dipolitikkan oleh pihak tidak bertanggungjawab, tetapi berusaha mencari penyelesaian elok untuk semua pihak termasuk tuan tanah," jelas Guan Eng.

Sementara itu, dalam kenyataan lain dikeluarkan di Komtar di sini baru-baru ini, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sekali lagi meminta AWLU dan kerajaan persekutuan untuk menimbang semula tapak tanah seluas 100 ekar yang lain daripada tapak dipilih kini ekoran taktik politik kotor daripada UMNO, khususnya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Muhammad Farid Saad.

Ini kerana, menurutnya, Muhammad Farid menggunakan isu perkauman untuk mengagalkan inisiatif dijalankan kerajaan pusat dan disokong Kerajaan Negeri.

"Perlu diingatkan bahawa Kerajaan Negeri hanya memulakan proses pengambilan tanah selepas menerima surat tanggal 12 Jun 2012 daripada CEO Pemandu merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator, Dato' Sri Idris Jala (Idris). Dalam surat beliau, dinyatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhiddin Yassin telah meluluskan projek AWLU sebagai suatu *Entry Point Project* (EPP) pendidikan pada 10.2.2012.

"Selepas mendapat tawaran secara hitam putih daripada AWLU dan pengesahan daripada kerajaan persekutuan, barulah proses pengambilan tanah dimulakan. Dalam surat tersebut, Dato Sri Idris Jala (Idris) juga menyatakan bahawa projek AWLU akan membawa masuk pelaburan sebanyak RM492 juta dan impak kepada *Gross National Income Malaysia* adalah RM74.4 juta serta mewujudkan 190 perkerjaan bernilai tinggi yang baru," ujarnya.

Guan Eng dalam pada itu menegaskan bahawa beliau amat kesal bahawa semasa kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan kerajaan persekutuan, Mohamad Farid sedia menggadaikan masa depan anak-anak warga Balik Pulau dan Pulau Pinang demi survival politiknya. Ini adalah suatu perbuatan berniat jahat dan mementingkan diri sendiri sekali!

"Adakah Mohamad Farid sampai hati menjejaskan keharmonian kaum dan masa depan kanak-kanak di Balik Pulau dan Pulau Pinang sampai gunakan isu perkauman dan fitnah menentang inisiatif yang datang daripada kerajaan persekutuannya sendiri?," ujar Ketua Menteri.

*Dari muka surat 1.*

"Maklumat awal mendapati bahawa ketiga-tiga warga emas ini menafikan mereka telah dijanjikan RM50 oleh pemimpin Pakatan Rakyat (PR) seperti dilaporkan di dalam akhbar.

"Malah, rakaman tersebut menyatakan bahawa terdapat pihak yang mengajak mereka (tiga warga emas) untuk ke sebuah kedai kopi di Teluk Bahang pada 2 Julai lalu dan apabila tiba, didapati pihak media telah sedia menunggu di lokasi," katanya pada majlis sidang akhbar di Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abd. Halim Hussain yang turut hadir menunjukkan bukti rakaman tersebut kepada pihak media pada majlis sama.

Di dalam rakaman tersebut membuktikan bahawa salah seorang warga emas tersebut menyatakan bahawa "dia tak janji... kita pi juga...orang panggil, kita pi lah''.

Menurut Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Bahang, Mohd. Isa Md. Ali, nama ketiga-tiga warga emas tersebut sememangnya tersenarai sebagai penerima bantuan warga emas setiap tahun. Malah, juga untuk bantuan di bulan Ramadhan nanti (yang bakal disampaikan pada majlis berlainan).

"Sumbangan kali ini (sempena program ramah mesra bersama Ketua Menteri) hanya untuk 20 warga emas, ibu tunggal (20) dan pelajar cemerlang (10). Mustahil untuk kita sampaikan kepada semua dengan serentak," jelasnya.




ABD. Halim Hussain (duduk, depan sekali) menunjukkan rakaman video penafian tiga warga emas yang dipercayai diperdaya pihak tidak bertanggungjawab sambil ditemani Halil Sabri Hamid (duduk, belakang) dan Mohd. Isa Md. Ali (berdiri, dua dari kiri) di sini baru-baru ini. *Gambar oleh:* ***ALISSALA THIAN***

**PUCUK PIMPINAN DI SEBERANG PERAI TENGAH.**

# Pilih pemimpin yang jamin kesejahteraan




**ANTARA penduduk yang hadir pada Majlis Mesra Rakyat Pucuk Pimpinan di Dewan Orang Ramai Machang Bubuk di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**MACHANG BUBUK -** Kestabilan politik dan ekonomi Negeri Pulau Pinang boleh dikekalkan sekiranya rakyat terus memilih pemimpin yang sedia ada bagi menjamin urus tadbir Kerajaan Negeri secara Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Demikian ucapan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Datuk Tan Hock Leong dalam Majlis Ramah Mesra Rakyat Bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

"Kita (rakyat) harus menggandakan sokongan kita kepada kepimpinan Kerajaan Negeri supaya kesejahteraan hidup tanpa permusuhan antara kaum dan agama terus dikecapi untuk generasi akan datang," kata beliau di Dewan Orang Ramai Machang Bubuk di sini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng turut berucap pada majlis kenduri rakyat sempena program Lawatan Ketua Menteri ke DUN berkenaan.

Hadir bersama pada majlis itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Setiausaha Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP Ir. Rozali Mohamud.

Menurut Hock Leong, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) dari Machang Bubuk turut menikmati sumbangan RM100 tiap-tiap tahun disebabkan urus tadbir Kerajaan Negeri sekarang bersih.

Itu, tidak termasuk sumbangan *"one-off"* anak baru lahir RM200 bermula sejak tahun lepas berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM100 sahaja.

Beliau turut melahirkan rasa kecewa kerana inisiatif Kerajaan Negeri berusaha menyumbang RM100 kepada pelajar darjah satu dan empat serta pelajar tingkatan satu dan empat menerima layanan dingin dari sekolah tertentu di DUN berkenaan, selain Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Bercakap di depan lebih 300 hadirin, Guan Eng pula mengumumkan hasrat Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf Pasar Awam Machang Bubuk serta meminta Pejabat Daerah dan meminta MPSP mengemukakan pelan cadangan pembangunan.

# 17 tahun Pusat didakwa mungkir janji SJKC Kay Sin

**MACHANG BUBUK -** Janji kerajaan pusat sejak 17 tahun lepas untuk membina blok baru di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kay Sin, di sini terus dimungkiri sehingga sekarang.

Malah, kata Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng lagi, Kerajaan Negeri (yang lalu) turut memungkiri janji untuk memperbaiki dewan lama akibat dimakan anai-anai yang dihitung menelan belanja kira-kira RM200,000.

"Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sungguhpun baru perintah negeri ini dalam empat tahun, RM50,000 telahpun disumbangkan pada sekolah itu.

"Bajet untuk pendidikan sekolah di bawah (bidang kuasa) pusat. Pulau Pinang boleh sumbang, mengapa pusat tidak menepati janjinya (sejak) tahun 1995 dulu," soal beliau semasa berucap dalam Program Mesra Rakyat Pucuk Pimpinan di Dewan Orang Ramai Machang Bubuk di sini baru-baru ini.



**Chong Eng.**

Selain Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Datuk Tan Hock Leong turut berucap pada majlis keraian rakyat tersebut.

Hadir bersama pada majlis itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Ir. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Menurut Chong Eng, layanan dingin daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini adalah ekoran tindakan semasa pembangkang Pulau Pinang (UMNO dan Barisan Nasional) yang giat menuduh Kerajaan Negeri tidak membelanjakan peruntukan pembangunan secara wajar demi kepentingan rakyat di negeri berkenaan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri lebih cakna dalam berbelanja bajet pembangunan demi kepentingan rakyat, berbanding kerajaan pusat.

# Kebajikan OKU UPSR perlu perhatian Menteri

**BUKIT MERTAJAM -** Tuntutan masa tambahan selama 30 minit bagi kertas peperiksaan Matematik Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) khusus untuk pelajar orang kurang upaya (OKU) penglihatan akhirnya dipanjangkan ahli keluarga golongan berkenaan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Mereka (ahli keluarga) mendakwa, masalah kebajikan anak-anak pihak berkenaan telahpun beberapa kali dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran sebelum ini, namun, tidak mendapat reaksi positif.

"Apa yang pelajar lain boleh buat, mereka ini (pelajar OKU penglihatan) pun boleh buat, cuma mereka ini seakan dipinggirkan kalau tiada keprihatinan daripada kita.

"Biasanya, kementerian akan tujukan semua masalah ini kepada kita (keluarga), tetapi ini adalah tidak adil," kata Alvin Teoh, 41, bapa kepada Ernest Teoh, 11, di Kompleks Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), di sini baru-baru ini.

Kira-kira 10 pelajar OKU, tidak termasuk waris mereka masing-masing hadir pada majlis interaksi dengan Guan Eng. Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, (MPSP ) Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rozali Mohamud.



**SEORANG pelajar menunjukkan kebolehan menggunakan komputer bersempena majlis interaksi bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

Bersempena majlis tersebut, Ketua Menteri telah mengumumkan sumbangan RM600 (setiap seorang pelajar) demi menyemarak semangat belajar dalam kalangan pelajar OKU berkenaan.

Difahamkan, tempoh 50 minit diberikan kepada pelajar normal bagi menjawab kertas peperiksaan Matematik UPSR. Manakala, pelajar OKU pula diberi masa tambahan 30 minit, menjadi satu jam 20 minit bagi kertas peperiksaan yang sama.

Pun begitu, Alvin berkata, masa tambahan itu tidak cukup untuk pelajar OKU memahami rajah pada kertas peperiksaan yang menggunakan tulisan *braille*.

Guan Eng dalam reaksi spontan berkata, kementerian yang diterajui Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin seharusnya peka pada masalah pelajar OKU sungguhpun populasi golongan istimewa tersebut sangat minoriti di tanah air ini.

"Kita harap mereka (kementerian) boleh faham. Saya rasa tidak ada orang yang menentang jika tambah 30 minit lagi.

"Malah, saya rasa permintaan ini adalah wajar atas perikemanusiaan," ujar beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan.

**PUCUK PIMPINAN DI PARLIMEN NIBONG TEBAL.**

# Projek rumah mampu milik digiat demi rakyat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**MANSOR Othman mengorek tanah menggunakan jentolak sebagai gimik pelancaran Projek Rumah Mampu Milik di Indera Timbalan Kampung Kepala Gajah, Seberang Perai Selatan di sini baru-baru ini.**




**MANSOR Othman (tiga dari kiri) menunjukkan tapak cadangan pembinaan Dewan Serbaguna Kampung Sungai Buaya sempena Program Mesra Rakyat di sini baru-baru ini.**

**NIBONG TEBAL –** Sebagai tambahan kepada 58 unit sedia ada, sebanyak 40 unit rumah mampu milik (kos rendah) teres satu tingkat bakal dibina di Indera Timbalan Kampung Kepala Gajah, di sini.

Projek bernilai RM 3 juta tersebut bakal siap sepenuhnya pada tahun 2015.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, untuk projek rumah mampu milik fasa pertama (di lokasi sama) yang siap pada tahun 2001, sebuah pusat tuisyen dan satu unit tadika telah didirikan.

"Demi keperluan rakyat, tambahan 40 unit bakal didirikan di sini.

"Inisiatif tersebut sekaligus menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri tidak membina rumah kos rendah untuk rakyat miskin dan berpendapatan rendah di negeri ini,'' katanya pada Majlis Pecah Tanah Rumah Mampu Milik (Kos Rendah) Indera Timbalan Kampung Kepala Gajah, di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut adalah bersempena Program Mesra Rakyat pucuk pimpinan Dewan Undangan Negeri Kerajaan Negeri.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee, ADUN Komtar, Ng Wei Aik, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar, Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, Rohani Hassan dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai, Rozali Mohamud.

# Taman Negeri Bukit Panchor bakal ada dewan serbaguna

**NIBONG TEBAL –** Dalam usaha mengembalikan status Taman Negeri Bukit Panchor Dalam salah satu destinasi pelancongan yang sebelum ini terjejas ekoran penularan virus *laptospirosis* (kencing tikus), Kerajaan Negeri bakal menjalankan projek berskala sederhana dengan membina sebuah dewan serbaguna untuk kemudahan masyarakat umum di sini.



**MANSOR Othman (tiga dari kiri) meneliti risalah Taman Negeri Bukit Panchor sambil ditemani Maktar Shapee (empat dari kiri), Ng Wei Aik (tiga dari kanan), Mohd. Kamil Abu Bakar (kiri sekali), Rohani Hassan (kanan sekali) dan Rozali Mohamud (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, pembinaan dewan yang dirancang di hadapan pintu masuk hutan lipur tersebut adalah bagi memudahkan aktiviti riadah para pengunjung seperti bina semangat, kem motivasi, sukan dan sebagainya.

Dalam pada itu, Mansor turut menyatakan bahawa 'projek' mengembalikan pengunjung ke Taman Negeri Bukit Panchor adalah usaha bersama Kerajaan Negeri dengan Jabatan Perhutanan.

"Kadar kedatangan pengunjung perlu ditingkatkan bagi memanfaatkan projek yang bakal dijalankan di sini," katanya ketika mengadakan lawatan ke Taman Negeri Bukit Panchor bersempena Program Mesra Rakyat di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee dan ADUN Komtar, Ng Wei Aik, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar, Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, Rohani Hassan dan Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai, Rozali Mohamud.

# KN sampai TOL kepada 4 penduduk



**MANSOR Othman (dua dari kanan) menyampaikan hamper kepada seorang warga emas bersempena Program Mesra Rakyat Parlimen Nibong Tebal di sini baru-baru ini.**

**NIBONG TEBAL –** Bagi membela nasib rakyat, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) berjiwa rakyat telah mengambil inisiatif khas menyampaikan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) kepada empat penduduk di Kampung Permatang Tok Mahat di sini baru-baru ini.

Penerima-perima tersebut ialah Siti Nor Yop, Khor Chye Seah, Rahimah Sheikmia dan Khaw Ah Lek.

Majlis penyampaian telah disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bertempat di Dewan Na Tok Kong bersempena Program Mesra Rakyat Parlimen Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Mansor berkata, TOL yang diperoleh adalah sebagai 'lesen' kepada empat penduduk berkenaan bagi terus menduduki tanah masing-masing dalam beberapa tempoh.

"Kerajaan Negeri bersimpati terhadap nasib keluarga-keluarga ini dan sudi memberikan TOL supaya mereka dapat terus tinggal di situ dengan selamat," katanya di sini.

Dalam pada itu, Mansor menyatakan bahawa, Pulau Pinang telah muncul sebagai negeri pertama yang bebas miskin tegar.

**BAYAN BARU –** Kegigihan dan insiatif dalam menjana industri perabot sehingga mendapat permintaan di peringkat antarabangsa oleh para pengilang serta pertubuhan industri perabot tempatan memperoleh pujian daripada Ketua Menteri bersempena penganjuran *Penang Furniture Exhibition* (PENFURNEX) *2012* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, menyeru supaya penggiat industri perabot agar meneruskan usaha pembuatan perabot berasakan hijau atau *green furniture* kerana ianya penting dalam mengimbangi pembangunan ekonomi serta persekitaran bagi tempoh masa panjang.

"Cabaran dalam pembangunan dan keseimbangan persekitaran dalam industri pembuatan perabot adalah nilai perabot sama ada melalui kualiti, keselamatan, keutuhan dan intergriti.

"Pembangunan industri perabot akan terus dibangunkan melalui tambah nilai dan penambahbaikan pembuatan melalui penggunaan bahan mentah (kayu-kayan) yang berkualiti. Justeru, adalah mustahak, melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi untuk menghasilkan perabot yang bermutu tinggi," katanya pada Majlis Perasmian PENFURNEX 2012 di sini baru-baru ini.

Menariknya, bersempena penganjuran tersebut, sebuah kerusi gergasi berketinggian 20 kaki turut dipamerkan. Kerusi gergasi tersebut adalah hasil rekaan pelajar Kolej KDU Pulau Pinang, Lee Kuan Hong yang berjaya menggondol hadiah utama Pertandingan Rekaan Kerusi Gergasi baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Pengelola PENFURNEX, Richard Ooi, pameran yang diadakan itu mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri dan para penggiat industri pembuatan perabot. Malah, saban tahun, penyertaan para pemamer di PENFURNEX mencatatkan peningkatan dengan lebih 100 pemamer mengambil bahagian (kali ini).

Bagi Presiden *Penang Furniture & Timber Industry Association,* Ngai Chin Soon berkata, pameran berkenaan dilihat sebagai titik tolak kepada pengusaha-pengusaha perabot dan perkakasan rumah untuk mempromosikan produk masing-masing bukan sahaja untuk pasaran tempatan, malah, antarabangsa.



**LEE Kuan Hong bergambar bersama-sama kerusi gergasi ciptaannya sempena penganjuran PENFURNEX 2012 di sini baru-baru ini.**

# Azan berkumandang di PKL

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran Wacana Santai bersama Ustaz Azhar Idrus (UAI) di Padang Kota Lama (PKL) di sini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang tidak pernah menghalang penganjuran mana-mana majlis ilmu di negeri ini.

Malah, pada malam 19 Mei 2012 itu, azan berkemundang dan rata-rata yang hadir telah menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah di lokasi penganjuran.

Kehadiran UAI dan beberapa personaliti, antaranya, Juara Imam Muda musim pertama, Muhammad Asyraf Mohd. Ridzuan; Shamril Mohd. Salleh (Sham Kamikaze); Muhamad Hakim Lokman (Bob Lokman) dan Mohd. Ali Ismail (Ali XPDC) telah menggamit kehadiran lebih 10,000 pengunjung dari Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak ke sini.

Menurut Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, kejayaan penganjuran dan berkumandangnya azan di PKL memadamkan pelbagai fitnah dilemparkan dengan melabelkan bahawa Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sebagai anti-Islam.

"Belum pernah lagi lautan manusia hadir solat berjemaah di Padang Kota (PKL).

"Menariknya, orang ramai tidak berganjak sejak jam 5 petang lagi semata-mata ingin mendengar tazkirah dan perkongsian ilmu yang disampaikan oleh UAI," ujar Abdul Malik sambil menyatakan bahawa penganjuran wacana santai tersebut adalah yang julung kali diadakan.

Dalam pada itu, beliau yang turut serta solat berjemaah amat berterima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam menjayakan penganjuran program tersebut.

"Alhamdulillah, program wacana kali ini mendapat sambutan dan insyaAllah, di masa-masa akan datang, Kerajaan Negeri akan menganjurkan pelbagai program ilmu yang bukan sahaja memberi manfaat kepada belia Pulau Pinang, malah, turut membentuk peribadi belia di sini ke arah wasatiyyah," ujar Abdul Malik.

Wacana Santai bersama UAI diadakan bersempena Program Pameran Pengguna Negeri Pulau Pinang 2012. Pelbagai gerai jualan dibuka pada hari tersebut antaranya produk-produk makanan dan minuman, pakaian serta telekomunikasi.

UAI merupakan seorang penceramah dari Terengganu yang semakin mendapat di hati masyarakat khususnya belia.



**LAUTAN manusia yang hadir menunaikan solat berjemaah di PKL di sini.**



**MUHAMMAD Asyraf Mohd. Ridzuan (kanan sekali) menyampaikan tazkirah Maghrib. Turut serta Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain (duduk, hadapan, dua dari kiri), Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (duduk, hadapan, empat dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (duduk, hadapan, kiri sekali).**



**GAYA Sham Kamikaze ketika membuat persembahan bersempena penganjuran Wacana Santai Bersama Ustaz Azhar Idrus di sini.**

# Elak saksi kehijauan Bukit Bendera?

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kelibat Datuk Seri Wong Chun Wai yang tidak muncul-muncul di Bukit Bendera sungguhpun Ketua Kumpulan Pengarang *The Star* itu dijemput oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagi menyaksikan sendiri kehijauan sebenar di kawasan tanah tinggi berkenaan menjadi tanda tanya.

Menurut Guan Eng, Chun Wai dijemput turun padang ekoran daripada laporan akhbar *The Star* yang menggambarkan kawasan tanah tinggi di sekitar Bukit Bendera kian tercemar dek pembangunan lereng bukit secara berleluasa.

“Saya ingin menjemput Datuk Seri Wong Chun Wai untuk bersama-sama mendaki Bukit Bendera atau merentasi laluan bukit bagi menyaksikan sendiri kawasan tanah tinggi yang didakwa ‘bukit mati’ *(dying hills)* dan kemudian (terbitan kedua) ‘bukit menangis’ *(crying hills)* melalui *The Star*,” ujarnya sempena Program Mendaki Ke Stesen 3, Taman Belia bagi membuktikan bahawa keadaan bukit di sini masih terpelihara baru-baru ini.

Kira-kira 30 orang, termasuk Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Bon Poh, Ar. Yew Tung Seang (Pengarah Jabatan Bangunan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) dan beberapa Ahli Majlis MPPP seperti D. Harvindar Singh, Lim Siew Khim, Ong Ah Tiong turut menyertai Guan Eng mendaki bukit itu.

Terdahulu, pentadbiran Guan Eng menjadi perhatian apabila empat halaman *The Star*, termasuk muka depan dan halaman editorial melaporkan ‘bukit menangis’ ekoran dakwaan Kerajaan Negeri meluluskan banyak projek pembangunan di kawasan ketinggian melebihi 250 kaki.

Guan Eng bagaimanapun berkata, kesemua projek itu sebenarnya diluluskan semasa Barisan Nasional (BN) menjadi Kerajaan Negeri.



**HARVINDAR Singh, Ong Ah Teong dan Yew Tung Seang berehat selepas berjaya mendaki ke Stesen 3, Taman Belia bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini. .**

Difahamkan, rekod MPPP mendedahkan bahawa sebanyak 37 projek di kawasan ketinggian melebihi 250 kaki telah pun diluluskan sebelum 2008, iaitu semasa BN menjadi Kerajaan Negeri.

Dari jumlah itu, 19 kelulusan yang diberikan selepas Mac 2008 adalah projek khas yang turut diluluskan oleh Kerajaan Negeri era BN sebelum ini berdasarkan garis panduan geoteknikal biasa majlis.

Guan Eng berkata, semua projek itu tidak boleh dibatalkan secara drastik sungguhpun Kerajaan Negeri sekarang sangat simpati dengan penduduk setempat di kawasan berkenaan.

Ini kerana katanya, Kerajaan Negeri ‘memerlukan pampasan beratus juta hatta berbilion ringgit yang akan memufliskan negeri ini’ untuk menghadapi risiko saman daripada pemaju berwajib.

## Jerebu – KN saran hadkan aktiviti luar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mengambil inisiatif mengedarkan 150,000 topeng muka untuk diedarkan kepada semua sekolah sebagai langkah berjaga-jaga bagi menghadapi musim jerebu baru-baru ini di sini.

Exco Kesihatan dan Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, berkemungkinan masalah jerebu akan berlarutan akibat cuaca kering yang berpanjangan.

“Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan pulau mencatatkan paras sederhana dengan bacaan 78. Walau bagaimanapun, satu-satunya kawasan iaitu Seberang Jaya mencatatkan IPU 101 melebihi paras tidak sihat. Ini amat membimbangkan.

“Jesteru, kita (Kerajaan Negeri) telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk turun padang dan memantau sebarang kes pembakaran terbuka yang dilakukan. Malah, tindakan saman juga akan dikenakan terhadap pihak yang didapati melanggar peraturan,” tegasnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menasihatkan agar orang ramai menghadkan aktiviti di tempat terbuka.

“Kerajaan Negeri sedaya upaya akan menunda semua program luar buat sementara waktu. Kesihatan adalah lebih utama. Perkara serius ini perlu ditangani dengan segera,” jelasnya.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berharap Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Menteri Luar Negeri boleh mengadakan perbincangan dengan negara jiran, Indonesia bagi menangani masalah sama yang dipercayai telah berlarutan hampir 15 tahun tanpa sebarang jalan penyelesaian.

Hadir sama Exco Kerajaan Tempatan Dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

## Penaja Eksekutif *Penang Green Expo 2012*







# Skuad Karate cemerlang di SUKMA XV



SEBAHAGIAN atlit karate menunjukkan pingat yang dimenangi pada kejohanan SUKMA XV di Pahang baru-baru ini.

**GEMPUR...** Skuad Karate negeri bermula dengan cemerlang pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XV dengan mendahului senarai penerima pingat terbanyak dalam sukan terbabit di Pahang baru-baru ini.

Daripada 16 kategori dan disiplin yang dipertandingkan bagi acara karate, kontinjen Pulau Pinang berjaya meraih lima pingat Emas dan tiga pingat Gangsa secara keseluruhan.

Pasukan Kata lelaki dan wanita mantap dengan persembahan masing-masing dengan kejayaan mengalahkan pasukan Sabah pada kejohanan yang berlangsung di Dewan Universiti Malaysia, Pahang.

Acara *Kumite* juga tidak kurang hebatnya ekoran kejayaan merangkul dua pingat Gangsa melalui R.M. Tanaseelan dan Nur Nazarith Sofia Abdul Malik melalui kategori 55 kilogram.

Pasukan Kata lelaki terdiri dari Goh Chan Yit, Loh Chun Sheng dan Joshua Wong, manakala pasukan wanita (Kata), Celine Yee Xin Yi, Khaw Yee Voon dan Thor Chee Yee.

---

## KN sedia ganjaran atlit cemerlang SUKMA XV

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU UBAN –** Sebagai penghargaan dan dorongan berterusan kepada atlit negeri, ganjaran RM3,000 bakal disumbangkan kepada mereka (atlit) yang berjaya membawa pulang pingat emas acara individu pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XV yang berlangsung di Pahang.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abd. Halim Hussain berkata, bagi pingat perak kategori sama, sumbangan sebanyak RM2,000 untuk pingat perak dan RM1,000 (gangsa) akan diberikan.

"Bagi acara melibatkan lima atlit ke bawah, mereka (atlit) yang cemerlang bakal menerima RM1,000 bagi pingat emas, perak (RM 700) manakala gangsa (RM500).

"Untuk acara berpasukan, ganjaran pingat emas adalah RM500, perak (RM300) dan gangsa (RM100),'' katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita dan Komuniti Lydia Ong Kok Fooi yang turut menyerahkan bendera negeri kepada kontinjen negeri sejurus selepas pelancaran Kem Gempur SUKMA di sini.

Seramai 325 atlit Pulau Pinang bakal berentap dalam 24 acara sukan yang dipertandingkan dengan sasaran 25 pingat emas, pingat perak (20) dan pingat gangsa (23).

## Peraduan filem pendek capai objektif

**KREATIF....** Sebagai sokongan kepada industri pengiklanan filem perkhidmatan awam Malaysia, Kerajaan Negeri julung kali telah menyumbangkan RM50,000 bagi menjayakan penganjuran Peraduan Filem Pendek 2012 peringkat kebangsaan bertemakan *Youth Creative Public Services Awareness* (PSA) di sini baru-baru ini.

Karya kreatif arahan, Goh Yun Guang berjudul 'Tujuh Dosa Mak' telah dipilih sebagai johan kategori terbuka yang membolehkannya membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM10,000.

Secara keseluruhan, pihak penganjur telah menerima 180 penyertaan dari seluruh Malaysia. Beberapa nama besar dalam industri hiburan tempatan seperti Sharifah Amani, Bront Palarae dan Ho Juang adalah antara juri peraduan berkenaan.




LYDIA Ong Kok Fooi (tengah) bergambar kenangan bersama-sama Sharifah Amani (dua dari kanan), Bront Palarae (kanan sekali) dan Ho Juang (dua dari kiri) pada Majlis Anugerah Peraduan Filem Pendek 2012 di sini baru-baru ini.

Ekoran kejayaan penganjuran tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersedia untuk meningkatkan sumbangan bagi penganjuran tahun seterusnya sebanyak RM80,000.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

# Tawakal & kualiti intipati kejayaan pengusaha *kek come*

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **ALISSALA THIAN**


ASFAH Mohd. Shariff (kiri sekali) mengeluarkan kuih daripada acuan sambil dibantu salah sseorang pekerja.


SHAMSUL Bahrin Din dan Asfah Mohd. Shariff dengan hasil produk keluaran mereka.

***KEK** come* adalah semolek namanya. Saiznya yang kecil dibungkus elok mampu menarik setiap mata memandang.

Sesuai dengan rasa manis lemak, *kek come* sesuai dijadikan hidangan bukan sahaja untuk tetamu yang bertandang ke rumah, malah, ia juga amat popular sebagai buah tangan majlis-majlis keraian.

Bagi merungkai rahsia di sebalik pembuatan dan pengeluaran oleh usahawan tempatan, skuad jalan-jalan Buletin Mutiara (BM) telah bertandang ke Kampung Sungai Setar, Batu 2, Jalan Sempadan, Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan baru-baru ini.

Memasuki lorong kecil di celah-celah sungai dan sawah padi, bau marjerin dan tepung dibakar dapat dihidu di jalan besar lagi. Sinonim dengan nama produk, kedatangan kami disambut dengan penuh mesra oleh tuannya yang *'come'*.

Perusahaan membuat *kek come* yang mendapat pasaran meluas di negeri ini diusahakan oleh pasangan suami isteri yang begitu peramah dan pemalu orangnya.

Perniagaan yang diusahakan sejak lima tahun lalu lazimnya bermula dari minat yang dipupuk sejak dari kecil. Malah, tidak dinafikan komitmen seorang isteri dan ibu turut menjadi daya pendorong kepada Asfah Mohd. Shariff, 44, untuk mencari rezeki dari rumah.

"Mak memiliki perniagaan keluarga dalam bidang ini. Sebab minat, selalu tolong mak buat kuih dan banyak belajar dari dia (mak).

"Kuih yang selalu dibuat mak adalah kuih samprit dan untuk resipi kuih-kuih lain, saya belajar sendiri dan ada yang rujuk pada internet, tak pernah pergi kursus pun,'' katanya kepada BM di sini.

Sebelum berkecimpung dalam bidang perniagaan, Asfah merupakan seorang guru KAFA. Selepas melahirkan anak pertama, beliau merasakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kepada dirinya untuk sentiasa berada di samping cahaya matanya.

Beliau kemudian meminta kebenaran daripada suaminya, Shamsul Bahrin Din, 40, yang merupakan seorang ustaz untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan pembuatan kuih. Pada peringkat permulaan, produk pengeluaran Asfah adalah terhad kepada 20 jenis kuih raya dan hanya dikeluarkan dua kali setahun iaitu menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Daya usaha pasangan tersebut kemudian berjaya memperoleh perhatian Jabatan Pertanian yang kemudian menggalakkan mereka untuk menghasilkan produk secara harian dan bukannya bermusim. Atas dedikasi diri untuk terus maju, pasangan tersebut telah menghadiri kursus pembuatan *kek come* dan hasilnya adalah amat memuaskan!

"Bagi memasarkan produk baru adalah tidak senang. Pada peringkat permulaan, *kek come* yang dihasilkan ditolak kepada sekolah-sekolah mengikut jumlah balang yang diisi dan dibekalkan.

"Selepas beberapa bulan, kami merasakan bahawa corak pemasaran sedemikian adalah tidak sesuai dan pada masa itu, Alhamdullilah, barulah terfikir untuk buat cara pembungkusan secara pek disertai sedikit perhiasan riben bagi mencantikkannya," jelas Shamsul Bahrin yang bertanggungjawab dalam bahagian pemasaran produk.

Kini, selain memasarkan sendiri (termasuk penghantaran) produk di pasaran tempatan, pemasaran produk As-Shams Enterprise (nama syarikat) turut dibantu dua syarikat pengedar di kawasan Kepala Batas, Serdang dan juga negeri Kedah.

Ketika diajukan pertanyaan berhubung kunci kejayaan perniagaan yang dijalankan, Asfah menyatakan bahawa ia adalah bergantung kepada kualiti produk.

"Persaingan memang banyak, tetapi kami anggap masing-masing adalah rezeki dan tawakal. Malah, kualiti kuih perlu dijaga bagi memenuhi citarasa dan permintaan pelanggan,'' ujar beliau sambil menjelaskan bahawa tempoh ketahanan *kek come* keluarannya adalah selama dua minggu.

Bagi perancangan masa depan, Shamsul Bahrin menjelaskan bahawa beliau berharap dapat meningkatkan kreativiti dan teknik pembungkusan *kek come* bagi menarik lebih ramai pelanggan di dalam dan juga luar negara.


*KEK come* yang telah siap dibakar.


PRODUK kuih raya yang siap dibungkus.



PAPAN tanda Kedai *Kek Come.*

**Tempahan :**
**1377 Lorong 5,**
**Jalan Sempadan, Mukim 9,**
**14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.**
**019 – 550 6349 /**
**013 – 404 3473**
**Emel : cuncomel@gmail.com**
**Facebook :**
**shamsul.bahrin28@yahoo.com**

# Jeruk Pak Ali berkembang hasil keberkatan & prinsip niaga tanpa hutang



ALIAS Ali (berkopiah) menunjukkan jeruk buah pala berkualiti yang diawet dengan cuka epal.

**JERUK** Madu Pak Ali baru-baru ini dipilih menerima Anugerah Usahawan Terbaik FAMA Pulau Pinang 2012 dalam temasya Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi 2012 di Tapak Ekspo Seberang Jaya. Ikuti wawancara ekslusif wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dengan Pengurus Besarnya, **ALIAS ALI (AA)**.

**BM : Bolehkah Tuan jelaskan serba sedikit mengenai Jeruk Madu Pak Ali ini?**

**AA :** Mula-mula (sejak 1985) dulu, buat (proses jeruk) di bekalang rumah. Satu masa, timbul hasrat untuk komersial jeruk, iaitu sejak lima tahun lalu sebab tak ada lagi jeruk Pulau Pinang dipasar keluar.

Saya dapat nasihat daripada PERDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang), MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani). Teknologi pun, kita guna teknologi MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) sebab persepsi orang sebelum ini adalah makan jeruk ini bahaya dan tak sihat. Maka, kita proses jeruk ini sebagai makanan yang sihat sampai berjaya dapat Sijil Halal daripada JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).

Jeruk Madu Pak Ali ini merupakan satu-satunya jeruk Pulau Pinang yang mendapat Sijil Halal di Malaysia.

**BM : Bagaimana pula dengan sejarah perkembangan Jeruk Pak Ali ini?**

**AA :** Dari proses di rumah secara kecil-kecilan, sekarang kita sudah ada sebuah kilang di Simpang Empat, Seberang Perai Selatan. Kita cuba bantu peladang menyelesaikan masalah lambakan buah-buahan dengan industri inovatif ini. Dari buah muda yang berharga RM3 sekilogram jika diproses boleh menjadi jeruk berkualiti mencecah harga RM30. Inovasi juga boleh menjadikan jeruk ini imej Pulau Pinang.

Di kilang, buah-buah ini boleh dipotong menggunakan mesin, tetapi kita potong menggunakan tangan untuk memberi peluang pekerjaan secara kontrak kepada lebih 30 'pakcik makcik' dan belia tempatan dengan gaji lebih RM1,000.

Selain kiosk di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, lebih 20 kiosk dibuka di seluruh tanah air. Jeruk Madu Pak Ali ini telahpun menembusi pasaran pasar raya ManMa di Ireland. Malah, kita juga menerima permintaan dari Madinah dan terbaru dari Tonto, Mesir. Korea Selatan juga berminat dengan jeruk ini untuk tujuan perpindahan teknologi.

Saya pun tidak sangka, prospek jeruk ini sampai ke antarabangsa kerana asalnya saya berniaga kecil-kecilan di rumah dengan modal dari ayah (Ali Omar) RM15 sahaja. Dari 30 kilogram sehari dahulu, sekarang kita memproses lebih 30 tan sebulan. Lebih 20 jenis buah diproses ikut piawaian halal.

**BM : Apakah keistimewaan Jeruk Madu Pak Ali ini?**

**AA :** Kalau jeruk dari Indonesia dan Filipina, ianya masin, Jeruk Madu Pak Ali ini diminati kerana manis serta dijamin selamat untuk dimakan.

Istimewa Jeruk Madu Pak Ali ini antaranya kita masak air gulanya, tidak seperti kebanyakan jeruk dalam pasaran. Kita guna gula pasir, bukan ibu gula. Ketiga, kita guna cuka epal kerana ia sihat dan baik untuk kulit. Keempat, kita masukkan madu lebah sampai air jeruk ini sihat dan selamat untuk diminum. Nak dapat (Sijil) Halal bukan mudah, perlu ikut piawaian MARDI. Kalau makan jeruk di luar boleh gatal dan geli kerengkong, kita (Jeruk Madu Pak Ali) tidak.

Tidak ada apa-apa rahsia lain. Kalau saya dipanggil untuk berkongsi ilmu mengenai Jeruk Madu Pak Ali, semua ini juga yang akan saya cerita.

Yang penting, ada keberkatan. Ayah (Ali Osman yang lebih dikenali sebagai Pak Ali) suruh saya ambil beberapa masjid dan surau untuk dijadikan 'masjid dan surau angkat'. Bayar bil elektrik dan air sebab air wudhu mereka dan solat mereka adalah keberkatan kita (Jeruk Madu Pak Ali) dalam berniaga.

Satu lagi, ayah larang berhutang dalam berniaga. Dia sendiri minta kilang gula jangan bekal gula kepada saya kalau saya tiada (wang) tunai. Sebab itu, berniaga memang perlu mula dari kecil-kecilan dan ia akan berkembang dengan keberkatan serta tanpa hutang.

**BM : Selepas dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Terbaik FAMA Pulau Pinang 2012, apakah perasaan Tuan?**

**AA :** Saya, ayah dan seluruh kakitangan Jeruk Madu Pak Ali rasa terharulah apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Terbaik FAMA Pulau Pinang 2012 baru-baru ini.

Anugerah ini mengingatkan saya pada pengiktirafan tahun lalu (2011) apabila Jeruk Madu Pak Ali ini menerima anugerah Usahawan Ikon Bumiputera Pulau Pinang dan Usahawan Industri Asas Tani Pulau Pinang daripada ICU JPM.

Pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri ini sangat bermakna serta cukup memberi semangat untuk menjadikan Jeruk Madu Pak Ali ini sebagai ikon Pulau Pinang dan ikon Malaysia di persada dunia satu hari nanti.

**BM : Menjadikan Jeruk Madu Pak Ali ini sebagai imej Pulau Pinang mungkin menjadi harapan Tuan?**

**AA :** Jeruk ini adalah imej Pulau Pinang sebab itu mana-mana Pak Menteri atau pelancong asing yang datang bertandang di kiosk (Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang) ini, saya akan kata ini 'Jeruk Penang'.

Kalau sekarang, penumpang kapal terbang ada yang dibekal kacang. Suatu hari nanti, kita harap Jeruk Pak Ali ini akan dibekal dalam semua kapal terbang dan terbang ke seluruh dunia.

Kita sedang bina muzium jeruk berdekatan kilang kita di Simpang Empat. Kita nak orang tahu bahawa keunikan makanan jeruk ini sudah wujud beratus tahun dalam masyarakat kita.




ANEKA jeruk boleh didapati di kiosk Jeruk Madu Pak Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.



ALIAS Ali ketika ditemubual wartawan BM.

# Operator pantai Batu Feringghi ikut garis panduan




MOHD. Jamil Zakaria menjelaskan hasil siasatan kejadian kemalangan melibatkan *parasailing* dan lapan peserta bina semangat di Batu Feringghi di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Rentetan kemalangan melibatkan *parasailing* dan lapan peserta bina semangat sebuah syarikat korporat di kawasan Pantai Batu Feringghi (belakang Hotel Hard Rock) baru-baru ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menubuhkan satu badan siasatan bagi menjalankan proses penyiasatan berhubung insiden berkenaan di sini.

Tujuan penubuhan badan siasatan tersebut adalah bagi mengenalpasti demerit yang bakal diambil terhadap operator aktiviti pantai dan air jajaran pantai Batu Feringghi di sini.

Malah, Pengerusi Perkhidmatan Awam dan Perlesenan MPPP, Dr Jody Shoba menyatakan bahawa siasatan awal mendapati bahawa operator *parasailing* yang diberhentikan operasi perniagaan selama sehari ekoran kejadian itu didapati mematuhi segala prosedur ditetapkan.

Ini diperjelaskan lagi oleh Penolong Penguatkuasaan Kanan MPPP, Mohd. Jamil Zakaria yang menyatakan bahawa kumpulan peserta bina semangat terbabit telah berkumpul di kawasan pendaratan *parasailing* sebelum terkena tali *parasailing* yang dalam proses mendarat sehingga menyebabkan salah seorang daripada mereka cedera.

"Mereka (para peserta bina semangat) sebelum itu dipercayai telah diarahkan beredar tetapi enggan berbuat demikian.

"Malah, kawasan pendaratan tersebut juga telah ditanda dengan kon (empat penjuru)," ujar beliau pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai desakan sesetengah pihak supaya memberhentikan aktiviti-aktiviti pantai di sini, Pengerusi Jawatankuasa Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha memberitahu bahawa itu (tindakan) tidak mungkin dilakukan kerana ia (aktiviti pantai) merupakan ikon pelancongan dan keputusan itu terletak pada Kerajaan Negeri.

"Bagaimanapun, kita (MPPP) boleh menambahbaik perkhidmatan di situ (Batu Feringghi) seperti mengadakan kursus, penambahan fasiliti, pemantauan dan tindakan lain yang difikirkan perlu bagi menjaga keselamatan dan keselesaan pelancong dari semasa ke semasa," ujarnya.

## Penjaja tiada lesen bakal dilesenkan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**



ONG Ah Teong.

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini dalam proses mengenalpasti peniaga-peniaga 'lama' yang tidak memiliki permit berniaga sejak pentadbiran kerajaan terdahulu (Barisan Nasional) bagi membolehkan golongan terbabit menjalankan perniagaan secara sah dengan pemberian sekeping kad identiti tertera gambar diri.

Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, ianya adalah keistimewaan yang bakal diberikan kepada peniaga yang tidak pernah memiliki lesen berniaga yang sah sebelum ini.

"Kita (MPPP) dalam proses mengenalpasti peniaga yang berniaga secara tidak sah sejak dulu (pentadbiran kerajaan Barisan Nasional), setelah dikenalpasti, mereka (peniaga) ini akan diberikan satu kad identiti yang tertera gambar dan nama," katanya kepada wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Katanya, pada fasa pertama, pemegang kad identiti tersebut akan diberikan keutamaan ketika memohon kekosongan tapak penjaja sedia ada.

Jelas Ah Teong, terdapat hampir 3,000 penjaja menjalankan perniagaan secara tidak sah di bahagian pulau Pulau Pinang.

"Bagi membendung masalah ini daripada terus berleluasa, kita (MPPP) mempunyai rancangan untuk mengklasifikasikan kawasan penjaja haram kepada status tapak penjaja yang sah. Walau bagaimanapun, ianya perlu dibincangkan secara terperinci terlebih dahulu.

"Malah, berdasarkan rekod, terdapat beberapa tapak penjaja haram telah disahkan statusnya seperti tapak penjaja sementara Taman Free School dan Air Putih, Air Itam di sini. Dengan cara ini, MPPP dapat memantau segala aspek kebersihan dan penyelenggaraan tapak-tapak tersebut agar lebih terjaga dan menguntungkan rakyat," ujarnya.

## MPSP ke arah inisiatif hijau

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**




MD. Jamil Abd. Rahman, Johari Kassim, Rozali Mohamud, Maimunah Mohd. Sarif, Soon Lip Chee dan Lim Tau Hoong memperagakan alat pintar masing-masing pada sidang media selepas mesyuarat majlis penuh MPSP di sini baru-baru ini.

**BUKIT MERTAJAM -** Kesemua 23 Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diberi pilihan memilih alat pintar *iPad, Samsung Galaxy Tab* atau komputer riba ke arah mengurangkan penggunaan kertas di majlis tersebut.

Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini berkata, sebanyak RM62,921 telahpun dibelanjakan oleh majlis selari dengan polisi Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Kita (MPSP) tidak mampu beralih pada sistem tanpa kertas sepenuhnya, kerana kita masih perlu mencetak dokumen-dokumen tertentu bagi tujuan pengfailan.

"Pun begitu, sekurang-kurangnya kita (MPSP) ke arah 'kurangkan kertas' dengan mengurangkan penggunakan kertas di pejabat," ujar beliau selepas mempengerusikan mesyuarat majlis penuh di Kompleks MPSP, Bandar Perda, di sini.

Selain Setiausaha Majlis MPSP, Ir. Rozali Mohamud, Johari Kassim, Md. Jamil Abd. Rahman, Soon Lip Chee dan Lim Tau Hoong merupakan antara Ahli Majlis yang turut serta pada sidang media itu.

Maimunah berkata, kesemua 15 ketua jabatan berwajib turut akan disediakan alat pintar secara berperingkat selepas ini dan sebanyak RM31,000 diperlukan untuk tujuan itu.

Justeru, Maimunah berkata, kesemua notis dan minit mesyuarat akan diedarkan kepada Ahli Majlis menerusi e-mel mulai mesyuarat bulan

# MPPP tegas beri lesen premis parkir

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Bagi setiap tempat letak kereta (parkir) yang ingin beroperasi di sini, adalah diwajibkan untuk memperoleh kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, sebelum diluluskan, beberapa spesifikasi ketat perlu dipatuhi dan penilaian turut akan dilakukan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pasukan Bomba dan Penyelamat sebelum sesuatu permohonan diluluskan.

"Pada masa sama, bayaran lesen sekitar RM100 hingga RM300 bergantung kepada jumlah parkir juga akan dikenakan demi jaminan keselamatan pengguna," katanya ketika mengadakan lawatan ke parkir pusat membeli-belah Plaza Gurney di sini baru-baru ini.

Lawatan tersebut adalah ekoran maklum balas beberapa pihak yang mempertikaikan keselamatan di kawasan parkir pusat membeli-belah berkenaan sebelum ini. Melalui lawatan, pemantauan dan penjelasan yang diberikan, Ah Teong menyatakan bahawa beliau berpuas hati dengan tahap keselamatan dipraktikkan di sini.

Turut hadir, Ketua Kejuruteraan, Rekabentuk, Teknologi dan Servis Capital Mall Malaysia, Ibrahim Ahmad dan Pengarah Operasi Plaza Gurney, Yeoh Kim Bock.

Dalam pada itu, menurut Kom Bock, selain dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) berkualiti, seramai 30 pengawal turut bertugas pada satu-satu masa bagi menjaga bangunan dua blok tujuh tingkat terbabit.

"CCTV di sini mampu 'mengawal' keseluruhan sudut kawasan parkir. Ia dioperasikan dengan sudut berubah-ubah seperti tunduk, dongak, pusing ke kiri, kanan dan zoom dalam jarak jauh," jelas beliau.

Katanya lagi, pada tahun ini, sebanyak dua kes kehilangan motosikal sahaja dilaporkan di sini ekoran kecuaian penunggang sendiri yang meninggalkan kunci kenderaan di motorsikal masing-masing.



**YEOH Kim Bock (tengah) menunjukkan cara pengawal keselamatan membuat tandaan meronda sambil diperhatikan Ong Ah Teong (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ke parkir pusat membeli-belah Plaza Gurney di sini baru-baru ini.**



**ANTARA peniaga yang hadir pada sesi dialog bersama MPPP dan Exco Kerajaan Negeri di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**

# Dialog MPPP, penjaja efektif

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Bagi mendekati dan menyelami masalah dihadapi golongan penjaja di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menganjurkan satu sesi dialog khas bersama golongan berkenaan di sini baru-baru ini.

Dalam sesi selama dua jam tersebut, hampir 100 penjaja telah hadir bagi sesi soal jawab bersama Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, pucuk pimpinan MPPP, Ahli Majlis MPPP, Gooi Seong Kin dan Ng Chek Siang.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, melalui dialog tersebut, para penjaja bebas menyuarakan pendapat dan mengutarakan sebarang soalan kepada pihak majlis.

"Dialog yang diadakan adalah lebih kepada sesi soal jawab dan perbincangan menfokuskan masalah berbangkit seperti penjaja haram, kebersihan dan sebagainya yang dihadapi mereka.

"Dalam pada itu, tiga memorandum yang dihantar sebelum ini oleh persatuan penjaja Padang Tembak, Tanjong Bunga dan Lebuh Cecil dijangka dapat diselesaikan tidak lama lagi," ujarnya di sini baru-baru ini.

Tambah Ah Teong, melalui sesi tersebut, MPPP juga berpeluang menjelaskan usaha Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam menaiktaraf pasar-pasar awam di sini demi memberi keselesaan kepada para penjaja dalam menjalankan perniagaan masing-masing.

# Aliran laluan sehala atasi kesesakan

**AIR ITAM** – Hasil inisiatif Kerajaan Negeri, masalah kesesakan di Jalan Ibbetson dan Jalan Grove Air Itam (kuarters perumahan kerajaan berhampiran Masjid Negeri) pada waktu puncak sedikit sebanyak dapat diatasi ekoran penukaran aliran lalulintas kepada sehala berkuatkusa 11 Jun lalu di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Wong Hon Wai berkata, pendekatan tersebut kini dalam tempoh percubaan selama tiga bulan.

"Ia adalah melibatkan laluan dari Jalan Ibbetson (bahagian hadapan) hingga ke persimpangan Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra di sini.

"Melalui pemantauan sebelum ini, kesesakan dipercayai berpunca dari keadaan laluan yang sempit selain penempatan tiga buah sekolah (Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Chung Hwa A, SRJKC Chung Hwa B dan Sekolah Mengengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra) di sepanjang laluan yang turut menjadi jalan pintas penduduk setempat," katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Jurutera Lalulintas 1 Jabatan Kejuteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Zainuddin Mohamad Shariff.

Tambah Hon Wai, melalui inisiatif tersebut, laluan jalan berkenaan ditukar aliran menjadi sehala pada jam 6.30 pagi hingga 8 pagi dan 12.30 tengah hari hingga 2 petang pada hari persekolahan.

Dalam pada itu, Zainuddin memberitahu bahawa sebagai tindakan lanjut, pihaknya telah memasang papan tanda sebagai makluman awam.




**PAPAN tanda yang dipasang sebagai makluman umum penukaran aliran laluan menjelang waktu puncak di Jalan Ibbetson dan Jalan Grove Air Itam di sini baru-baru ini.**

# Pagar baru kubur Islam cegah ceroboh haiwan liar

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERMATANG PASIR** - Pagar konkrit dan dawai sepanjang 180 meter akan dibina mengelilingi tanah perkuburan Islam Bukit Indera Muda, di sini bagi mencegah haiwan liar daripada menceroboh liang lahad.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man berkata, isu malar segar sejak 1980-an itu diselesaikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang hasil daripada permohonan penduduk setempat sebelum ini.

Tambah beliau, kawasan berkenaan turut menerima hakisan tanah kerana kedudukannya di kaki bukit.

"Masalah ini sejak penghujung 1980-an lagi

"Tender projek secara terbuka sedang dijalankan. Kerajaan Negeri (sekarang) memberi peruntukan yang besar, hampir RM100,000 supaya liang (lahad) di tanah kubur ini tidak lagi diceroboh babi hutan," ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Pegawai Tadbir Agama Daerah SeberangPerai Tengah (SPT), Naser Osman dan Saiful Azli (Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan) turut menyertai lawatan kerja tersebut.

Mohd. Salleh yang juga Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkata, projek naik taraf tersebut dijangka siap sebelum Hari Raya Korban.

Beliau kemudiannya turut meninjau mimbar khutbah Jumaat berusia 166 tahun di Masjid Jamek Permatang Pasir bersama pengerusi masjid itu, Md. Daud @ Che Daud Hassan.

"Mimbar ini akan kita rujuk pada ke (Jabatan) Warisan (Negara) untuk mendapatkan peruntukan baik pulih dan pulihara," ujar beliau.



MOHD. Salleh Man menunjukkan bahagian tanah perkuburan Islam yang menerima hakisan tanah disebabkan tiada tembok berpagar dibina sehingga hampir mencecah bumbung rumah seorang penduduk setempat di sini.




SIM Tze Tzin (tiga dari kanan) memasukkan botol-botol minuman plastik ke dalam tong khas bersempena Majlis Perasmian Sudut Sisa Sifar JKKK Mahsuri di sini baru-baru ini.

# Asing sisa domestik, seru ADUN

**SUDUT SIFAR...** Demi generasi akan datang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin menyeru masyarakat setempat untuk membiasakan diri mengasingkan sisa domestik dan membuangnya di Sudut Sisa Sifar yang disediakan di kawasan masing-masing.

"Penyediaan Sudut Sisa Sifar melalui Rancangan Kampungku Komunitiku, Bersih dan Hijau ini bukan sahaja mampu menggalakkan masyarakat membuang sampah mengikut kategori.

"Malah, ia dapat mendidik mereka (penduduk) menghargai alam sekitar demi generasi akan datang," ujar Tze Tzin ketika hadir merasmikan Sudut Sisa Sifar Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mahsuri di sini baru-baru ini.

Pelaksanaan insiatif tersebut adalah hasil kerjasama Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan *Penang Green Council (PGC)*.

# Mangsa kebakaran dapat bantuan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN –** Prihatin dengan nasib mangsa kebakaran yang tinggal sehelai sepinggang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota telah tampil menyampaikan sumbangan bencana Kerajaan Negeri berjumlah RM1,000 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, ADUN terbabit yang juga Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow menyatakan bahawa proses taksiran kerugian masih lagi dijalankan dan beliau berharap bahawa sumbangan bantuan bencana yang disumbangkan dapat meringankan sedikit bebanan ditanggung keluarga mangsa.

Dalam kejadian di Lorong Larut, mangsa, Sirahjutheen Abdul Latiff, 39, tinggal sehelai sepinggang apabila kediamannya terbabit dalam kejadian kebakaran dipercayai berpunca dari litar pintas akibat pendawaian tiang elektrik yang terletak di hadapan rumahnya.

Dianggarkan kerugian Sirahjutheen adalah hampir RM100,000, termasuk dua buah motosikal yang hangus sama sekali dalam kebakaran tersebut.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan bantuan bencana kepada keluarga mangsa di sini baru-baru ini.

# Lantai rumah ibu tunggal siap dibaiki



ROSIDI Hussain (kanan sekali) bersama sukarelawan-sukarelawan lain membantu menyiapkan lantai rumah seorang ibu tunggal di Kampung Padang di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA –** Hasil berkat dan komitmen Pegawai Penyelaras kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga dan pasukan gerak kerjanya, lantai kediaman seorang ibu tunggal yang rendah sehingga menyebabkan air hujan mengalir masuk berjaya disiapkan di Kampung Padang di sini baru-baru ini.

PPK Penaga, Rosidi Hussain berkata, kejayaan menyiapkan lantai tersebut adalah hasil inisiatif bersama Skuad Prihatin dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lahar Kepar, Unit Amal dan pasukan gerak kerja pejabatnya sendiri.

"Melalui program ziarah mingguan, kita telah mengenalpasti sebuah rumah seorang ibu tunggal yang memerlukan bantuan segera memandangkan lantai rumahnya rendah dan sering dilanda banjir.

"Air dari jalan utama mengalir masuk terus ke dalam rumah ibu tunggal berkenaan dan merosakkan peralatan dan perabot kediamannya.

"Alhamdulillah, dengan bantuan pejabat PPK, Skuad Prihatin, Unit Amal dan JKKK Lahar Kepar, kita berjaya membantu ibu tunggal berkenaan dan insyaAllah kita akan cuba bantu lebih ramai lagi mereka yang memerlukan bantuan," ujar Rosidi lagi.

Tambahnya, seawal jam 8 pagi, seramai 30 penduduk kampung hadir bagi membantu melancarkan aktiviti gotong-royong tersebut.

## Komitmen jayakan program gotong-royong

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PERMATANG PAUH –** Penglibatan dan komitmen empat badan penganjur dan penduduk setempat telah menjayakan program gotong-royong ke arah merealisasikan misi Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di Kubang Semang di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Semang, Sungai Semambu dan Mukim 5, Siti Noriza Abu Bakar berkata, selain JKKK, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Unit Amal Malaysia Kawasan Permatang Pauh dan Jawatankuasa Masjid Kubang Semang merupakan pihak yang terlibat secara langsung dalam penganjuran berkenaan.

"Kita amat berbesar hati kerana MPSP sudi menghantar kontraktor, kemudahan pemangkasan dan tong sampah untuk menjayakan program ini. Malah, inisiatif Unit Amal membekalkan tenaga kerja juga amat dihargai," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man.

Tambah Siti Noriza, aktiviti gotong-royong itu adalah melibatkan pemotongan dahan pokok, pembersihan kawasan masjid, tanah perkuburan dan kaki lima jalan.

"Aktiviti gotong-royong secara bersepadu ini merupakan kali kedua dianjurkan di sini," jelasnya.



GOLONGAN wanita bekerjasama menyediakan makanan tengah hari bersempena penganjuran program gotong-royong di Kubang Semang di sini baru-baru ini.



LIM Dang Chii (kiri) menjelaskan situasi cemas yang berlaku baru-baru ini kepada Chow Kon Yeow sempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.

## Ahli Parlimen Tanjong lawat mangsa rompak

**PRIHATIN...** Ahli Parlimen Tanjong, Chow Kon Yeow baru-baru ini telah mengadakan lawatan khas ke galeri seorang pelukis dan jurugambar yang menjadi mangsa rompak, Lim Dang Chii, 31, di Lorong Love (*Love Lane*) di sini.

Dalam lawatan beliau, Kon Yeow yang juga Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas menyifatkan tindakan perompak berkenaan adalah tidak berhati perut dan tidak berperikemanusiaan.

"Saya berharap orang awam dapat tampil membantu polis bagi menangkap suspek terbabit yang dipercayai masih lagi bebas," ujarnya yang meluangkan masa kira-kira sejam di galeri tersebut.

Dalam kejadian 27 Jun lalu, Dang Chii, bersendirian di dalam premis berkenaan apabila tiba-tiba galerinya

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**